

BERITA HARIAN Ms. 2 27/7/1993

Arafat lawat Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat akan tiba di sini pada Rabu ini untuk lawatan kerja selama tiga hari bagi mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu dua hala.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, lawatan beliau adalah atas jemputan Perdana Menteri dan adalah lawatan kedua ke negara ini

selepas Mac 1990.

Arafat, yang mengetuai rombongan seramai enam orang termasuk dua menteri, akan turut mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan dan faedah bagi kedua-dua negara.

Kali terakhir Arafat menemui Dr Mahathir ialah pada persidangan Pergerakan Berkecuali (NAM) ke-10 di Jakarta, tahun lalu. — Bernama